



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA



BANI 2024 PERTANIAN

LAPORAN INTERIM:
KOKO





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

LAPORAN INTERIM BANCI PERTANIAN 2024

KOKO

Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global di dalam laporan dwitahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW) dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.



Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000

Faks : 03-8888 9248

Portal : <https://www.dosm.gov.my>

Facebook / Twitter / Instagram / : StatsMalaysia

Youtube

Emel : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum)
data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Harga / Price : RM68.00

Diterbitkan pada Mei 2025

Hakcipta terpelihara

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

ISBN 978-967-253-936-0

Laporan Interim Banci Pertanian 2024: Koko membentangkan parameter koko di Malaysia bagi tahun rujukan 2023. Penerbitan ini mengandungi maklumat profil pegangan pertanian meliputi individu dan pertubuhan serta penemuan parameter banci bagi tanaman koko.

Penyusunan parameter ini merujuk kepada manual *World Programme for the Census of Agriculture (WCA) 2020* bagi tempoh 2016 hingga 2025 yang menyarankan negara supaya melaksanakan Banci Pertanian sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh sepuluh tahun. Malaysia merupakan antara negara yang melaksanakan Banci Pertanian pada tahun 2024 bagi tahun rujukan 2023.

Dalam menghasilkan profil dan parameter pertanian melalui pelaksanaan Banci Pertanian 2024, kerjasama strategik antara Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan pemegang taruh iaitu Kementerian Pertanian & Keterjaminan Makanan, Kementerian Perladangan & Komoditi, Kementerian Sumber Asli & Kelestarian Alam dan Kerajaan Negeri telah terjalin erat bagi menjamin integriti data.

Penerbitan ini memaparkan ringkasan penemuan keseluruhan pengeluaran koko dan jadual parameter terperinci merangkumi keluasan bertanam, keluasan berhasil, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan & nilai jualan. Manakala, nota teknikal menerangkan konsep & definisi dan kata singkatan bagi memudahkan pengguna memahami parameter yang diterbitkan.

Semoga parameter dalam penerbitan ini dapat dimanfaatkan oleh agensi kerajaan untuk tujuan perancangan dan penggubalan dasar, pemantauan serta penilaian keberkesanan program pembangunan pertanian negara. Sementara itu, ahli ekonomi, ahli akademik dan individu boleh menggunakan parameter ini dalam analisis serta penyelidikan sosial dan ekonomi.

DOSM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

merangkap Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024

Mei 2025


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



**BANCI PERTANIAN
2024**

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Banci Pertanian 2024 merupakan banci keempat dilaksanakan sejak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Pelaksanaan banci ini adalah sejajar dengan manual *World Programme for the Census of Agriculture (WCA) 2020* yang menyarankan setiap negara ahli melaksanakan Banci Pertanian sekurang-kurangnya sekali bagi tempoh 2016 hingga 2025. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 November 2023 telah bersetuju supaya Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) di bawah Kementerian Ekonomi melaksanakan Banci Pertanian 2024. Tadbir urus Banci Pertanian 2024 terdiri daripada Jawatankuasa Pemandu Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan Jawatankuasa Utama Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia selaku Pesuruhjaya Banci serta melibatkan pelbagai agensi pelaksana di peringkat persekutuan dan negeri iaitu Timbalan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya dan Penguasa Daerah. Selain itu hampir tujuh ribu orang terdiri daripada Penyelia dan Pembanci telah dilantik bagi sepanjang tempoh pelaksanaan banci.



Ahli Jawatankuasa Pemandu Banci

Pengerusi : Ketua Setiausaha Negara

Pengerusi Ganti : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam

Ahli:

- Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan
- Ketua Setiausaha Kementerian Perladangan dan Komoditi
- Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi
- Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri
- Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
- Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
- Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan
- Ketua Perangkawan Malaysia
- Setiausaha Kerajaan Negeri

Operasi Banci Pertanian 2024 telah bermula pada 7 Julai 2024 dan tamat pada 31 Oktober 2024. Banci ini telah melalui proses transformasi dengan penggunaan ICT yang terkini bagi aktiviti pembancian melalui sistem MyAgriCensus.

Outcome Banci Pertanian 2024 akan memberi tumpuan kepada agenda nasional dan menjadi penanda aras baharu bagi sektor pertanian negara. Maklumat yang berintegriti dan *reliable* digunakan sebagai input dalam membuat keputusan berasaskan bukti untuk perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian *blueprint* pembangunan negara. Satu platform khas iaitu Sistem Integrasi Digital Pangkalan Data Pertanian Bersepadu, TaniStats telah dibangunkan untuk menyediakan data di hujung jari yang dapat memenuhi keperluan pemegang taruh dalam perancangan pembangunan sosio ekonomi. Secara tidak langsung, ia dapat merapatkan jurang digital dalam capaian sumber data yang pelbagai dan kompleks. TaniStats akan mengintegrasikan data pertanian daripada pelbagai sumber dan platform ini menyokong pembangunan dasar yang berasaskan data (*data-driven policy*), mempercepat proses analisis trend dan impak. Ia juga membolehkan perancangan yang lebih bersasar dan responsif terhadap isu semasa. Secara keseluruhan, platform ini menyumbang ke arah tadbir urus sektor pertanian yang lebih strategik, telus dan berimpak tinggi. Platform ini menyebarkan maklumat berkaitan penemuan utama Banci Pertanian 2024, serta pelbagai informasi sokongan lain yang relevan. Halaman utama portal TaniStats ini merangkumi:

- a) Penerangan ringkas mengenai maksud dan fungsi utama TaniStats sebagai sistem bersepadu untuk statistik sektor pertanian;
- b) Rasional dan keperluan pembangunan sistem ini dalam menyokong perancangan dan pemantauan sektor pertanian negara;
- c) Kepentingan sistem ini dalam menyediakan data yang tepat, pantas dan bersepadu untuk pelbagai pihak; dan
- d) Peranan TaniStats dalam memperkukuh dasar, memacu pertumbuhan sektor agromakanan, serta menyokong pembangunan mampan negara.

TaniStats juga mengandungi MyAgroPrice iaitu satu platform interaktif yang memaparkan maklumat terkini harga produk pertanian terpilih dengan liputan siri masa secara bulanan dari tahun 2020 hingga 2024. Papan pemuka ini memaparkan perubahan harga di peringkat rantaian edaran produk pertanian iaitu harga Ladang, Borong dan Runcit mengikut negeri. MyAgroPrice merupakan inovasi yang memberikan maklumat paras dan perubahan harga produk pertanian terpilih yang boleh dimanfaatkan oleh pengguna bagi keputusan kepenggunaan.

Keberhasilan utama banci ini juga adalah berkaitan pengukuhan statistik pertanian. Banci Pertanian kini akan dilaksanakan setiap 10 tahun secara berkala bagi memastikan

ketersediaan data baseline yang kemaskini, selari dengan keperluan semasa dan cabaran masa hadapan. Bagi memperkukuhkan ketersediaan data pertanian, survei pertanian jangka pendek akan dilaksanakan secara berkala mulai 2026.

Selain itu, penerbitan Indikator Keterjaminan Makanan secara tahunan, Indeks Pengeluaran Pertanian secara suku tahunan dan Indeks Keterjaminan Makanan akan diterbitkan bagi sumber rujukan dalam merangka hala tuju sektor pertanian negara.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

KANDUNGAN

	Muka Surat
Kata Pengantar	iii
Banci Pertanian 2024	vii
Kandungan	xi
Ringkasan Penemuan	15
Jadual Statistik	45
Nota Teknikal	179
Penghargaan	197
Lampiran	203

Jadual

Jadual 1.0	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Koko mengikut Negeri, Malaysia, 2023	45
Jadual 1.1	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	56
Jadual 1.2	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Koko mengikut Negeri, Malaysia, 2023	53
Jadual 1.3	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	54
Jadual 2.0	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Negeri dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023	61
Jadual 2.1	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023	62
Jadual 2.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Negeri dan Jantina, Malaysia, 2023	69
Jadual 2.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran dan Jantina, Malaysia, 2023	70
Jadual 2.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Negeri dan Kumpulan Umur, Malaysia, 2023	77
Jadual 2.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Umur, Malaysia, 2023	78
Jadual 2.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Negeri dan Etnik, Malaysia, 2023	87
Jadual 2.7	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran dan Etnik, Malaysia, 2023	88



Muka Surat

Jadual

Jadual 2.8	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Negeri dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023	97
Jadual 2.9	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023	98
Jadual 2.10	Individu Pegangan Pertanian bagi Tanaman Koko mengikut Negeri, Malaysia dan Sijil Tertinggi Diperoleh, 2023	108
Jadual 2.11	Individu Pegangan Pertanian bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia dan Sijil Tertinggi Diperoleh, 2023	111
Jadual 3.0	Parameter Utama bagi Tanaman Koko mengikut Negeri, Malaysia, 2023	141
Jadual 3.1	Keluasan Bertanam bagi Tanaman Koko mengikut Negeri, Malaysia, 2023	142
Jadual 3.2	Keluasan Bertanam bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	133
Jadual 3.3	Keluasan Bertuai bagi Tanaman Koko mengikut Negeri, Malaysia, 2023	150
Jadual 3.4	Keluasan Bertuai bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	151
Jadual 3.5	Kuantiti Pengeluaran bagi Tanaman Koko mengikut Negeri, Malaysia, 2023	158
Jadual 3.6	Kuantiti Pengeluaran bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	159
Jadual 3.7	Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Tanaman Koko mengikut Negeri, Malaysia, 2023	166
Jadual 3.8	Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Tanaman Koko mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	167

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



**RINGKASAN
PENEMUAN**


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



PROFIL PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU TANAMAN KOKO, 2023

MALAYSIA

Kewarganegaraan



Warganegara
4,147
(100.0%)



Bukan Warganegara
-
(0.0%)

Jantina



Lelaki
3,138
(75.7%)



Perempuan
1,009
(24.3%)

Kumpulan Umur



15 - 30 tahun

75
(1.8%)



31 - 45 tahun

774
(18.7%)



46 - 59 tahun

1,660
(40.0%)



60 tahun dan ke atas

1,638
(39.5%)

Kumpulan Etnik



Bumiputera

3,992
(96.2%)



Cina

141
(3.4%)



India

7
(0.2%)



Lain-Lain

7
(0.2%)

Taraf Perkahwinan

Tidak Pernah Berkahwin



296
(7.1%)

Bercerai/ Berpisah



60
(1.5%)

Berkahwin



3,458
(83.4%)

Balu/ Duda



333
(8.0%)

Sijil Tertinggi Diperoleh

Tiada Sijil



1,237
(29.8%)

Pendidikan Rendah



2,057
(49.6%)

Pendidikan Menengah



748
(18.0%)

Pendidikan Tertinggi



105
(2.5%)

Sumber: Banci Pertanian 2024






PROFIL PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU TANAMAN KOKO, 2023

SEMENANJUNG MALAYSIA

Kewarganegaraan



Warganegara
789
(100.0%)



Bukan Warganegara
-
(0.0%)

Jantina



Lelaki
639
(81.0%)



Perempuan
150
(29.0%)

Kumpulan Umur



15 - 30 tahun

75
(9.5%)



31 - 45 tahun

159
(20.2%)



46 - 59 tahun

272
(34.5%)



60 tahun dan ke atas

334
(42.8%)

Kumpulan Etnik



Bumiputera

747
(94.7%)



Cina

39
(4.9%)



India

2
(0.3%)



Lain-Lain

1
(0.1%)

Taraf Perkahwinan

Tidak Pernah Berkahwin



38
(4.8%)

Bercerai/ Berpisah



11
(1.4%)

Berkahwin



669
(84.8%)

Balu/ Duda



71
(9.0%)

Sijil Tertinggi Diperoleh

Tiada Sijil




287
(36.4%)

Pendidikan Rendah



350
(44.4%)

Pendidikan Menengah



142
(17.9%)

Pendidikan Tertinggi



10
(1.3%)

Sumber: Banci Pertanian 2024






PROFIL PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU TANAMAN KOKO, 2023

SABAH

Kewarganegaraan



Warganegara
2,217
(100.0%)



Bukan Warganegara
-
(0.0%)

Jantina



Lelaki
1,619
(73.0%)



Perempuan
598
(27.0%)

Kumpulan Umur



15 - 30 tahun

44
(2.0%)



31 - 45 tahun

517
(23.3%)



46 - 59 tahun

968
(43.7%)



60 tahun dan ke atas

688
(31.0%)

Kumpulan Etnik



Bumiputera

2,162
(97.5%)



Cina

48
(2.2%)



India

3
(0.1%)



Lain-Lain

4
(0.2%)

Taraf Perkahwinan

Tidak Pernah Berkahwin



170
(7.7%)

Bercerai/ Berpisah



35
(1.6%)

Berkahwin



1,866
(84.2%)

Balu/ Duda



146
(6.5%)

Sijil Tertinggi Diperoleh

Tiada Sijil



497
(22.4%)

Pendidikan Rendah



1,193
(53.8%)

Pendidikan Menengah



443
(20.0%)

Pendidikan Tertinggi



84
(3.8%)

Sumber: Banci Pertanian 2024






PROFIL PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU TANAMAN KOKO, 2023

SARAWAK

Kewarganegaraan



Warganegara
1,141
(100.0%)



Bukan Warganegara
-
(0.0%)

Jantina



Lelaki
880
(77.1%)



Perempuan
261
(22.9%)

Kumpulan Umur



15 - 30 tahun

7
(0.6%)



31 - 45 tahun

98
(8.6%)



46 - 59 tahun

420
(36.8%)



60 tahun dan ke atas

616
(54.0%)

Kumpulan Etnik



Bumiputera

1,083
(94.9%)



Cina

54
(4.7%)



India

2
(0.2%)



Lain-Lain

2
(0.2%)

Taraf Perkahwinan

Tidak Pernah Berkahwin



88
(7.7%)

Bercerai/ Berpisah



14
(1.2%)

Berkahwin



923
(80.9%)

Balu/ Duda



116
(10.2%)

Sijil Tertinggi Diperoleh

Tiada Sijil



453
(39.7%)

Pendidikan Rendah



514
(45.0%)

Pendidikan Menengah



163
(14.3%)

Pendidikan Tertinggi



11
(1.0%)

Sumber: Banci Pertanian 2024











KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA

PARAMETER UTAMA TANAMAN KOKO, 2023

MALAYSIA



Tiga Negeri Teratas Bagi Pengeluaran Koko, 2023

Kuantiti Pengeluaran (tan metrik)	168.4 (55.6%)	44.5 (14.7%)	31.5 (10.4%)
Individu	96.4 (57.2%)	20.9 (46.9%)	5.6 (17.7%)
Pertubuhan	72.0 (42.8%)	23.6 (53.1%)	25.9 (82.3%)

Sumber: Banci Pertanian 2024

















KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

PARAMETER UTAMA TANAMAN KOKO, 2023

SEMENANJUNG MALAYSIA



Tiga Negeri Teratas Bagi Pengeluaran Koko, 2023

			
 Kuantiti Pengeluaran (tan metrik)	31.5 (34.9%)	30.6 (33.9%)	19.4 (21.5%)
 Individu	5.6 (17.7%)	23.5 (76.6%)	2.1 (10.6%)
 Pertubuhan	25.9 (82.3%)	7.2 (23.4%)	17.4 (89.4%)



Sumber: Banci Pertanian 2024



20 Oktober







2016 - 2030



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

PARAMETER UTAMA TANAMAN KOKO, 2023

SABAH



Tiga Daerah Teratas Bagi Pengeluaran Koko, 2023

	Tawau	Ranau	Keningau
Kuantiti Pengeluaran (tan metrik)	67.0 (39.8%)	44.3 (26.3%)	8.0 (4.8%)
Individu	1.5 (2.2%)	44.3 (100.0%)	8.0 (100.0%)
Pertubuhan	65.5 (97.8%)	- (0.0%)	- (0.0%)

Sumber: Banci Pertanian 2024



@StatsMalaysia



20 Oktober







2016 - 2030



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

PARAMETER UTAMA TANAMAN KOKO, 2023

SARAWAK



Tiga Negeri Teratas Bagi Pengeluaran Koko, 2023

	Lundu	Sebuyau	Kuching
Kuantiti Pengeluaran (tan metrik)	23.2 (52.1%)	7.5 (16.8%)	2.7 (6.0%)
Individu	0.2 (0.7%)	7.5 (100.0%)	2.7 (100.0%)
Pertubuhan	23.0 (99.3%)	- (0.0%)	- (0.0%)

Sumber: Banci Pertanian 2024



@StatsMalaysia




20 Oktober

2016 - 2030



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

LIMA NEGARA PENGELUAR KOKO TERTINGGI DI DUNIA, 2023



Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)

Sumber: Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO)





PENDUDUK DAN INDIKATOR DEMOGRAFI

Negeri	Penduduk (juta)										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024 ^p
Malaysia	30.7	31.2	31.6	32.0	32.4	32.5	32.4	32.6	32.7	33.4	34.1
Johor	3.6	3.6	3.7	3.7	3.7	3.8	4.0	4.0	4.0	4.1	4.2
Kedah	2.1	2.1	2.1	2.1	2.2	2.2	2.1	2.2	2.2	2.2	2.2
Kelantan	1.7	1.8	1.8	1.8	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.9	1.9
Melaka	0.9	0.9	0.9	0.9	0.9	0.9	1.0	1.0	1.0	1.0	1.0
Negeri Sembilan	1.1	1.1	1.1	1.1	1.1	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2	1.2
Pahang	1.6	1.6	1.6	1.6	1.7	1.7	1.6	1.6	1.6	1.6	1.7
Perak	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.6
Perlis	0.2	0.2	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3
Pulau Pinang	1.7	1.7	1.7	1.7	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7	1.8	1.8
Sabah	3.7	3.7	3.8	3.9	3.9	3.9	3.4	3.4	3.4	3.6	3.7
Sarawak	2.7	2.7	2.7	2.8	2.8	2.8	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5
Selangor	6.1	6.2	6.3	6.4	6.5	6.5	7.0	7.1	7.0	7.2	7.4
Terengganu	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2	1.2	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2
W.P. Kuala Lumpur	1.7	1.8	1.8	1.8	1.8	1.8	2.0	2.0	2.0	2.0	2.1
W.P. Labuan	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
W.P. Putrajaya	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1

Negeri	Nisbah Jantina										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023 ^p	2024 ^e
Malaysia	107	108	108	108	108	108	110	109	109	110	111
Johor	113	113	113	113	113	112	115	114	113	114	116
Kedah	103	103	103	103	103	103	104	104	104	104	104
Kelantan	101	101	101	101	101	101	101	101	101	101	101
Melaka	104	105	105	106	106	107	111	111	110	111	113
Negeri Sembilan	109	109	109	109	109	109	108	108	107	108	108
Pahang	114	114	114	114	114	113	113	112	112	113	114
Perak	104	104	104	104	104	104	109	108	108	109	110
Perlis	98	98	99	99	99	99	100	100	100	100	99
Pulau Pinang	103	103	104	104	105	105	105	105	105	105	105
Sabah	110	110	110	110	110	110	109	109	109	109	109
Sarawak	108	109	109	109	109	109	107	107	107	107	107
Selangor	109	109	109	108	108	108	113	112	112	113	115
Terengganu	104	104	104	103	104	103	105	105	105	105	106
W.P. Kuala Lumpur	107	108	109	109	110	110	115	114	113	115	117
W.P. Labuan	105	105	105	105	105	105	106	105	105	105	105
W.P. Putrajaya	91	92	93	93	94	94	96	97	97	97	98

Negeri	Struktur Umur											
	2021			2022			2023			2024 ^e		
	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun
Malaysia	7,684.8	22,601.3	2,290.2	7,579.7	22,754.7	2,363.7	7,569.2	23,347.4	2,485.2	7,554.2	23,894.3	2,610.2
Johor	949.3	2,812.1	258.6	930.9	2,827.4	270.0	914.2	2,904.3	288.8	911.0	2,965.8	309.4
Kedah	536.5	1,436.0	179.1	533.5	1,444.6	185.0	535.0	1,461.5	192.8	534.0	1,482.1	201.4
Kelantan	538.9	1,153.6	119.8	539.0	1,168.9	122.7	536.6	1,195.5	127.7	534.3	1,221.3	132.9
Melaka	234.1	705.3	65.1	234.9	706.7	66.9	234.8	724.4	69.1	233.7	742.5	70.9
Negeri Sembilan	300.9	817.3	86.0	299.4	820.2	88.3	296.5	836.7	91.7	294.8	850.4	94.9
Pahang	418.3	1,079.2	104.0	411.4	1,096.0	106.9	405.8	1,127.3	110.1	398.6	1,156.5	113.1
Perak	573.9	1,707.7	234.2	564.8	1,710.0	239.7	554.1	1,740.0	247.2	545.2	1,769.9	254.5
Perlis	57.3	207.3	23.0	57.6	208.8	23.4	57.3	211.9	23.9	58.0	214.4	24.4
Pulau Pinang	342.9	1,274.5	122.6	336.7	1,275.8	128.5	337.4	1,299.2	136.1	336.7	1,319.7	144.0
Sabah	882.8	2,334.1	195.7	855.9	2,357.6	201.5	878.0	2,502.0	216.8	889.5	2,621.5	231.3
Sarawak	532.5	1,740.0	193.1	521.3	1,753.7	198.5	513.6	1,780.3	208.4	507.2	1,793.1	217.8
Selangor	1,531.6	4,978.7	504.5	1,516.7	5,008.8	524.9	1,532.2	5,119.9	557.6	1,540.8	5,229.0	593.5
Terengganu	333.7	770.0	67.0	336.8	781.1	68.7	340.2	798.1	71.8	343.5	813.8	74.8
W.P. Kuala Lumpur	382.9	1,449.7	131.4	371.6	1,457.0	132.6	364.6	1,504.5	136.6	359.1	1,568.7	139.7
W.P. Labuan	26.0	65.8	4.3	26.0	66.3	4.6	26.2	68.0	4.9	26.2	69.5	5.2
W.P. Putrajaya	43.3	70.3	1.7	43.4	71.8	1.9	42.9	73.9	2.1	41.8	76.2	2.3

Nota:

Statistik penduduk bagi tahun 2020-2024 telah disemak semula berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) manakala statistik bagi tahun 2012-2019 adalah berasaskan Banci 2010 dan akan disemak semula

Sumber: Jadual Hayat Ringkas, Malaysia, 2022-2024





PENDUDUK DAN INDIKATOR DEMOGRAFI

Negeri	Kadar Kelahiran Kasar (bagi setiap 1,000 penduduk)										
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Malaysia	17.8	16.7	17.2	16.7	16.1	15.9	15.5	15.1	14.5	13.5	12.9
Johor	17.5	16.5	17.0	16.8	16.3	16.5	16.3	16.0	14.2	12.4	12.0
Kedah	18.2	17.2	17.7	17.5	17.0	17.1	16.5	15.9	15.9	15.4	14.2
Kelantan	22.4	21.6	22.8	22.2	21.4	21.4	20.6	19.6	20.2	19.2	18.5
Melaka	16.9	16.0	16.7	16.4	16.0	15.8	15.6	15.2	13.9	13.1	13.0
Negeri Sembilan	16.9	16.3	17.3	16.9	16.4	16.2	16.2	15.5	14.3	13.9	13.2
Pahang	17.7	17.2	18.1	17.5	17.0	16.7	16.2	15.5	15.9	15.3	14.6
Perak	15.5	14.5	14.9	14.7	14.4	14.0	13.5	13.2	12.7	12.2	11.7
Perlis	17.3	16.7	18.4	17.4	17.5	17.6	17.2	16.0	14.4	14.2	12.9
Pulau Pinang	14.7	12.9	13.6	13.1	12.7	12.3	11.7	11.4	11.3	10.7	10.2
Sabah	16.9	15.7	15.6	14.7	13.7	13.6	13.6	13.6	14.5	12.2	12.8
Sarawak	16.8	15.3	15.4	14.7	13.9	13.6	13.1	13.1	14.4	12.7	12.5
Selangor	18.9	17.5	18.0	17.5	16.6	16.3	15.8	15.2	13.4	12.8	11.9
Terengganu	23.5	22.9	23.7	23.8	23.3	23.1	23.0	21.8	23.6	22.5	21.3
W.P. Kuala Lumpur	15.9	14.7	15.6	14.5	14.4	13.8	13.5	13.4	11.7	10.7	10.1
W.P. Labuan	19.6	19.1	19.9	20.5	18.1	17.3	17.1	16.9	18.0	15.9	14.2
W.P. Putrajaya	40.2	37.3	37.9	34.6	30.4	28.8	24.7	22.3	19.6	18.3	15.7

Negeri	Kadar Kematian Kasar (bagi setiap 1,000 penduduk)										
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Malaysia	4.7	4.7	4.9	5.0	5.1	5.3	5.3	5.4	5.1	6.9	6.3
Johor	5.0	5.1	5.0	5.2	5.5	5.6	5.6	5.8	5.1	6.7	6.3
Kedah	6.1	6.1	6.3	6.5	6.5	6.7	6.7	6.6	6.4	8.6	8.1
Kelantan	6.0	6.0	6.1	6.1	6.0	6.1	6.1	6.1	6.1	7.7	7.3
Melaka	5.4	5.5	5.4	5.6	5.8	6.0	5.9	6.0	5.5	7.1	6.6
Negeri Sembilan	5.6	5.8	5.9	6.1	6.2	6.4	6.5	6.4	5.8	7.6	7.1
Pahang	5.0	5.2	5.2	5.3	5.5	5.6	5.6	5.5	5.5	6.5	6.8
Perak	6.8	6.7	6.9	7.0	7.2	7.2	7.4	7.5	7.2	8.5	8.9
Perlis	6.9	7.2	6.8	7.1	7.5	8.0	8.1	7.9	6.8	7.8	8.4
Pulau Pinang	5.6	5.7	5.8	6.0	6.2	6.2	6.4	6.2	6.1	8.0	7.4
Sabah	2.3	2.3	3.3	3.4	3.4	3.6	3.6	3.8	4.3	5.5	5.1
Sarawak	4.4	4.3	4.4	4.5	4.6	4.7	5.0	5.0	5.8	7.1	6.7
Selangor	3.7	3.7	3.7	3.9	4.1	4.2	4.2	4.3	3.6	6.0	4.7
Terengganu	5.6	5.8	5.7	5.8	5.8	5.8	5.8	5.9	5.9	7.2	7.3
W.P. Kuala Lumpur	4.1	4.2	4.4	4.3	4.5	4.6	4.7	5.0	4.2	6.8	5.1
W.P. Labuan	2.7	2.7	2.9	2.6	2.9	2.5	2.9	3.0	3.4	5.4	4.0
W.P. Putrajaya	1.8	2.1	2.4	2.3	1.9	2.6	2.2	2.0	1.9	2.3	2.2

Negeri	Jangkaan Hayat Ketika Lahir (Lelaki & Perempuan)										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023 ^p	2024 ^e
Malaysia	74.5	74.6	74.4	74.4	74.6	74.8	74.7	74.0	73.8	74.0	75.2
Johor	74.3	74.3	74.2	74.1	74.3	74.4	74.3	73.6	73.5	73.8	74.9
Kedah	73.1	73.1	72.9	73.0	73.1	73.4	73.1	72.2	71.7	71.7	73.0
Kelantan	71.9	72.0	72.0	72.2	72.4	72.6	72.2	71.6	71.4	71.8	73.2
Melaka	74.5	74.6	74.5	74.5	74.7	74.9	74.0	73.1	73.0	73.2	74.3
Negeri Sembilan	73.5	73.6	73.4	73.4	73.5	73.8	73.3	73.1	72.9	73.1	74.0
Pahang	73.1	73.2	73.3	73.4	73.6	73.9	72.9	72.6	72.4	72.3	73.1
Perak	74.0	74.0	74.0	73.9	74.0	74.2	73.7	73.3	73.0	72.9	73.8
Perlis	73.0	73.0	72.4	72.0	72.0	72.0	72.8	72.4	72.3	72.4	73.5
Pulau Pinang	74.8	74.8	74.8	74.9	75.2	75.5	74.2	73.7	73.5	73.7	74.7
Sabah	73.5	73.8	74.2	74.2	74.2	74.2	74.3	73.4	73.1	73.8	75.1
Sarawak	76.3	76.3	76.3	76.2	76.4	76.3	75.1	74.5	74.3	74.5	75.2
Selangor	75.1	75.1	75.1	75.1	75.4	75.7	77.4	76.4	76.2	76.5	78.0
Terengganu	71.3	71.4	71.6	71.8	72.1	72.2	71.7	71.3	71.0	71.1	72.2
W.P. Kuala Lumpur	76.1	76.2	76.6	76.5	76.7	76.9	76.4	75.1	75.1	75.3	76.2
W.P. Labuan	76.1	76.3	77.4	77.3	77.6	77.6	75.4	74.5	74.4	76.2	77.8
W.P. Putrajaya	71.7	72.1	72.3	72.2	73.3	73.8	74.5	74.6	74.2	74.0	74.5

Nota: Statistik penduduk bagi tahun 2020-2024 telah disemak semula berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) manakala statistik bagi tahun 2012-2019 adalah berasaskan Banci 2010 dan akan disemak semula

Sumber: Jadual Hayat Ringkas, Malaysia, 2022-2024



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

1.0 PENGENALAN

Laporan interim ini membentangkan parameter utama tanaman koko berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024 bagi tahun rujukan 2023. Parameter yang dipaparkan dalam laporan interim ini meliputi bilangan pegangan pertanian yang terdiri daripada pegangan pertanian individu dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti tanaman koko bagi tujuan jualan. Parameter pegangan pertanian bagi aktiviti tanaman koko merujuk kepada lokasi di mana individu dan pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti koko tinggal atau berada. Selain itu, laporan ini turut mengandungi maklumat keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan mengikut negeri dan daerah bagi tanaman koko. Parameter bagi keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan adalah merujuk kepada lokasi di mana aktiviti tanaman koko dijalankan.

2.0 LATAR BELAKANG


Koko atau *theobroma cacao*, adalah tanaman yang berasal dari wilayah tropika di Amerika Selatan. Tanaman ini dikenali kerana bijinya yang digunakan untuk membuat coklat. Selain digunakan untuk membuat coklat, biji koko juga digunakan dalam pelbagai produk seperti minyak dan serbuk coklat. Selain makanan, koko juga mengandungi banyak khasiat yang baik untuk kesihatan seperti antioksidan.

Malaysia memiliki ciri semula jadi yang sangat sesuai untuk tanaman koko, termasuk iklim tropika yang panas dan lembap sepanjang tahun, serta tanah subur yang bersaliran baik. Suhu dan taburan hujan yang konsisten menyokong pertumbuhan koko secara optimum. Oleh kerana tanaman koko memerlukan tanah yang subur, bertekstur gembur dan mempunyai saliran yang baik. Tanah laterit, tanah berlempung dan tanah aluvium yang banyak terdapat di Malaysia sesuai untuk pertumbuhan akar koko. Faktor-faktor ini menggalakkan Malaysia terus kekal relevan sebagai tanaman komoditi di Malaysia.

3.0 PRESTASI INDUSTRI TANAMAN KOKO

Dapatan Banci Pertanian 2024 merekodkan sejumlah 4,147 pegangan pertanian individu dan 16 pegangan pertanian pertubuhan terlibat dalam industri tanaman koko Malaysia pada tahun 2023. Jumlah keluasan tanah yang digunakan bagi aktiviti tanaman koko pada tahun 2023 adalah seluas 4,901.8 hektar dengan keluasan bertuai 3,496.4 hektar. Pada tahun yang sama, industri koko menghasilkan sejumlah 303.2 ribu tan metrik biji koko dengan nilai jualan RM2.67 juta.

Paparan 1: Parameter Keseluruhan Tanaman Koko, Malaysia, 2023



4.0 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

4.1 Malaysia

Pegangan pertanian tanaman koko di Malaysia pada tahun 2023 adalah 4,163 didominasi oleh pegangan pertanian individu iaitu sebanyak 99.6 peratus yang melibatkan seramai 4,147 orang. Daripada jumlah tersebut, terdapat 11 pegangan pertanian individu yang mempunyai lebih daripada satu lokasi tanaman yang menjadikan jumlah lokasi tanaman sebanyak 4,158 lokasi. Manakala bilangan pegangan pertanian pertubuhan yang direkodkan adalah sebanyak 16 pertubuhan.

Paparan 2: Pegangan Pertanian Tanaman Koko, Malaysia, 2023




4.2 Pegangan Pertanian Individu

4.2.1 Jantina

Pegangan pertanian lelaki dalam aktiviti tanaman koko di Malaysia yang direkodkan pada tahun 2023 adalah seramai 3,138 orang, mewakili 75.7 peratus daripada jumlah pegangan pertanian. Manakala pegangan pertanian wanita adalah seramai 1,009 orang (24.3%).

Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Koko Mengikut Jantina, Malaysia, 2023



4.2.2 Kumpulan Umur

Majoriti pegangan pertanian individu yang terlibat dalam aktiviti tanaman koko terdiri daripada lingkungan usia 46 hingga 59 tahun, mewakili 40.0 peratus (1,660 orang), diikuti oleh kumpulan berumur 60 tahun dan ke atas sebanyak 39.5 peratus atau seramai 1,638 orang.


Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Koko Mengikut Umur, Malaysia, 2023

Kumpulan Umur	Bilangan	% Sumbangan
 15 - 30 tahun	75	1.8
 31 - 45 tahun	774	18.7
 46 - 59 tahun	1,660	40.0
 60 tahun dan ke atas	1,638	39.5

4.2.3 Kewarganegaraan dan Etnik

Kesemua pegangan pertanian koko di Malaysia, iaitu 100 peratus merupakan warganegara Malaysia. Etnik Bumiputera mewakili kumpulan terbesar dalam pegangan pertanian koko bagi pegangan pertanian individu, dengan sumbangan sebanyak 96.2 peratus atau bersamaan dengan 3,992 orang. Manakala baki disumbangkan oleh Cina (141 orang), India (tujuh orang) dan Lain-lain (tujuh orang).


Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Koko Mengikut Etnik, 2023



4.2.4 Taraf Perkahwinan

Demografi berdasarkan taraf perkahwinan, pegangan pertanian yang telah berkahwin merupakan kumpulan dominan, merangkumi 83.4 peratus atau 3,458 orang. Seterusnya diikuti oleh pegangan pertanian yang balu/ dadu dengan jumlah 333 orang dan tidak pernah berkahwin sebanyak 296 orang.


Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Koko Mengikut Taraf Perkahwinan, 2023



4.2.5 Sijil Tertinggi Diperoleh

Pegangan pertanian individu memiliki pendidikan rendah adalah 2,057 orang (49.6%), diikuti oleh pegangan pertanian individu yang tiada sijil pendidikan iaitu 1,237 orang (29.8%). Manakala seramai 748 orang (18.0%) memiliki pendidikan menengah. Selain itu, 105 orang (2.5%) memiliki pendidikan tertiar.

Paparan 7: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Koko Mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, 2023




4.3 Negeri

Sabah mendominasi aktiviti tanaman koko Malaysia dengan pegangan pertanian lebih 50 peratus disumbangkan oleh pegangan pertanian individu iaitu seramai 2,218 orang (53.5%). Ini diikuti oleh Sarawak dengan 1,141 pegangan pertanian (27.5%) dan Perak dengan 385 pegangan pertanian (9.3%).

Bilangan pegangan pertanian pertubuhan yang direkodkan terlibat dalam aktiviti penanaman koko pada tahun 2023 adalah 16 pertubuhan. Sebanyak 62.5 peratus daripada keseluruhan pertubuhan dalam industri tanaman koko terletak di negeri Sarawak (empat pertubuhan), Sabah dan Pahang masing-masing sebanyak tiga pertubuhan.


Paparan 8: Pegangan Pertanian Tanaman Koko Mengikut Negeri, 2023



4.4 Daerah

Ranau, Sabah merekodkan bilangan pegangan pertanian tertinggi dengan jumlah 850 pegangan pertanian, menyumbang 20.4 peratus kepada aktiviti tanaman koko Malaysia. Diikuti oleh Keningau, Sabah dengan mencatatkan 217 pegangan pertanian (5.2%), dan Simunjan, Sarawak dengan 213 pegangan pertanian (5.1%). Aktiviti tanaman koko bagi ketiga-tiga daerah ini diterajui oleh pegangan pertanian individu.

Paparan 9: 10 Daerah Teratas bagi Pegangan Pertanian Tanaman Koko, Malaysia, 2023




5.0 KELUASAN BERTANAM

5.1 Malaysia

Keluasan bertanam koko di Malaysia adalah seluas 4,901.8 hektar. Sebanyak 81.4 peratus (3,988.6 hektar) daripada jumlah keluasan bertanam adalah disumbangkan oleh pegangan pertanian individu, secara purata keluasan bertanam bagi setiap individu adalah 1.0 hektar. Dapatan ini adalah selari dengan konsep penanaman koko di Malaysia sebagai tanaman sampingan, yang mana tanaman ini ditanam secara integrasi dengan tanaman lain terutamanya dengan tanaman getah dan tanaman kelapa sawit. Manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 18.6 peratus iaitu 913.2 hektar kepada jumlah keluasan bertanam bagi tanaman koko.

Paparan 10: Keluasan Bertanam Tanaman Koko, Malaysia, 2023



5.2 Negeri

Selari dengan bilangan pegangan pertanian, Sabah menyumbang keluasan bertanam tertinggi sebanyak 56.0 peratus dengan jumlah keluasan 2,765.7 hektar. Jumlah keluasan bertanam Sabah didominasi oleh pegangan pertanian individu sebanyak 2,576.2 hektar (52.6%), diikuti oleh Sarawak 19.5 peratus (987.5 hektar) dan seterusnya Pahang dengan keluasan 579.9 hektar (11.8%). Sebahagian besar kawasan bertanam Pahang disumbangkan oleh pertubuhan iaitu sebanyak 476.7 hektar (82.2%).

Paparan 11: Keluasan Bertanam (Hektar) Mengikut Negeri, 2023



Individu
 Pertubuhan
 Sumbangan
 Hektar

5.3 Daerah

Ranau, Sabah kekal sebagai penyumbang utama kepada aktiviti tanaman koko Malaysia, di mana keluasan bertanam yang dicatatkan pada tahun 2023 adalah 994.3 hektar dengan sumbangan sebanyak 20.3 peratus. Keseluruhan keluasan ini disumbangkan oleh pegangan pertanian individu. Manakala, keseluruhan keluasan bertanam di Temerloh, Pahang disumbangkan oleh pertubuhan dengan jumlah keluasan 398.6 hektar (8.1%). Ini diikuti oleh Keningau, Sabah dengan keluasan bertanam seluas 266.9 hektar dan menyumbang 5.4 peratus kepada keluasan bertanam tanaman koko Malaysia.

Paparan 12: 10 Daerah Teratas bagi Keluasan Bertanam (Hektar) Tanaman Koko, Malaysia, 2023


Keluasan Bertanam		Individu		Pertubuhan	
1.	Ranau 994.3 (20.3%)	1.	Ranau 994.3 (24.9%)	1.	Temerloh 398.6 (43.6%)
2.	Temerloh 398.6 (8.1%)	2.	Keningau 266.9 (6.7%)	2.	Hilir Perak 198.6 (21.7%)
3.	Keningau 266.9 (5.4%)	3.	Tambunan 198.1 (5.0%)	3.	Kunak 135.8 (14.9%)
4.	Hilir Perak 210.0 (4.3%)	4.	Kota Belud 185.7 (4.7%)	4.	Bera 78.0 (8.5%)
5.	Tambunan 198.1 (4.0%)	5.	Tenom 177.7 (4.5%)	5.	Tawau 53.6 (5.9%)
6.	Kota Belud 185.7 (3.8%)	6.	Simunjan 169.4 (4.2%)	6.	Maradong 16.7 (1.8%)
7.	Tenom 177.7 (3.6%)	7.	Tuaran 141.7 (3.6%)	7.	Lundu 11.7 (1.3%)
8.	Tawau 171.8 (3.5%)	8.	Sebuyau 137.9 (3.5%)	8.	Segamat 9.7 (1.1%)
9.	Simunjan 169.3 (3.5%)	9.	Nabawan 124.4 (3.1%)	9.	Kulai 4.0 (0.4%)
10.	Tuaran 141.7 (2.9%)	10.	Kudat 119.7 (3.0%)	10.	Manjung 3.6 (0.4%)

6.0 KELUASAN BERTUAI

6.1 Malaysia

Pokok koko akan mencapai tahap matang dan boleh dituai dalam tempoh 3 hingga 4 tahun. Keluasan bertuai yang direkodkan adalah sebanyak 3,496.4 hektar iaitu 71.3 peratus daripada keluasan bertanam yang menunjukkan sebahagian besar kawasan penanaman koko telah mencapai tahap matang pada tahun 2023. Pegangan pertanian individu menyumbang tertinggi kepada keseluruhan keluasan bertuai iaitu 2,774.2 hektar (79.3%), manakala pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 722.3 hektar (20.7%). Walau bagaimanapun, pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan kadar keluasan bertuai berbanding keluasan bertanam tertinggi iaitu 79.1 peratus berbanding 69.6 peratus yang direkodkan oleh pegangan pertanian individu.

Paparan 13: Keluasan Bertuai (Hektar) Tanaman Koko, Malaysia, 2023



6.2 Negeri

Keluasan bertuai tanaman merujuk kepada jumlah kawasan yang berhasil dituai setelah tanaman ditanam. Keluasan bertuai tanaman koko dipengaruhi oleh beberapa faktor utama, antaranya keadaan cuaca, serangan perosak dan penyakit, kualiti tanah dan pengurusan ladang, masalah kekurangan tenaga buruh atau mesin dan kerosakan fizikal atau bencana alam. Lebih daripada separuh daripada keseluruhan keluasan bertuai disumbangkan oleh Sabah iaitu 55.9 peratus (1,953.4 hektar), diikuti oleh Sarawak 19.5 peratus (681.3 hektar). Seterusnya, Pahang dengan sumbangan 11.2 peratus (390.6 hektar) dan Perak menyumbang 9.9 peratus (344.4 hektar).

Paparan 14: Keluasan Bertuai (Hektar) Mengikut Negeri, 2023



Hektar
 Individu
 Pertubuhan
 Sumbangan

6.2 Daerah

Selari dengan jumlah keluasan bertanam koko di peringkat daerah, Ranau, Sabah merupakan penyumbang tertinggi kepada keseluruhan keluasan bertuai iaitu 705.3 hektar. Seterusnya, Temerloh, Pahang dengan keluasan bertuai 224.6 hektar dan Hilir Perak, Perak sebanyak 209.6 hektar. Keluasan bertuai Ranau didominasi oleh pegangan pertanian individu manakala bagi Temerloh dan Hilir Perak didominasi oleh pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 15: 10 Daerah Teratas bagi Keluasan Bertuai (Hektar) Tanaman Koko, 2023

Keluasan Bertuai		Individu		Pertubuhan			
1.	Ranau	705.3 (20.2%)	1.	Ranau	705.3 (25.4%)		
2.	Temerloh	224.6 (6.4%)	2.	Keningau	167.8 (6.1%)		
3.	Hilir Perak	209.6 (6.0%)	3.	Tambunan	138.2 (5.0%)		
4.	Keningau	167.8 (4.8%)	4.	Kota Belud	134.7 (4.9%)		
5.	Tambunan	138.2 (4.0%)	5.	Tenom	126.0 (4.5%)		
6.	Kunak	135.8 (3.9%)	6.	Tuaran	102.2 (3.7%)		
7.	Kota Belud	134.7 (3.9%)	7.	Sebuyau	96.3 (3.5%)		
8.	Tenom	126.0 (3.6%)	8.	Kuching	93.2 (3.4%)		
9.	Tuaran	102.2 (2.9%)	9.	Nabawan	90.1 (3.3%)		
10.	Sebuyau	96.3 (2.8%)	10.	Tebedu	84.7 (3.1%)		
					1.	Temerloh	224.6 (31.1%)
					2.	Hilir Perak	198.6 (27.5%)
					3.	Kunak	135.8 (18.8%)
					4.	Bera	78.0 (10.8%)
					5.	Tawau	53.6 (7.4%)
					6.	Lundu	11.7 (1.6%)
					7.	Segamat	5.8 (0.8%)
					8.	Kulai	4.0 (0.6%)
					9.	Maradong	4.0 (0.6%)
					10.	Manjung	3.6 (0.5%)


7.0 KUANTITI PENGELUARAN

7.1 Malaysia

Kuantiti pengeluaran dan nilai jualan koko dipengaruhi oleh faktor harga biji koko semasa, di mana harga koko semasa bagi tahun 2023 adalah rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya. Selain itu, tanaman atau hasil koko ini boleh dituai pada bila-bila masa dan bersifat tahan lama, maka sebahagian hasil tuaian boleh disimpan stok dan dijual pada masa harga yang lebih tinggi.

Industri tanaman koko merekodkan kuantiti pengeluaran biji koko sebanyak 303.2 tan metrik pada tahun 2023. Pegangan pertanian individu mendominasi pengeluaran koko negara dengan sumbangan sebanyak 51.8 peratus berjumlah 157.0 tan metrik. Manakala pegangan pertanian pertubuhan menghasilkan sebanyak 146.1 tan metrik koko dengan sumbangan 48.2 peratus.


Paparan 16: Kuantiti Pengeluaran Tanaman Koko, Malaysia, 2023



7.2 Negeri

Selari dengan dapatan sebelum ini, Sabah kekal sebagai penyumbang utama kepada keluaran koko negara sebanyak 168.4 tan metrik (55.5%), diikuti Sarawak 14.7 peratus dengan kuantiti pengeluaran koko 44.5 tan metrik. Seterusnya, Pahang menjadi negeri pengeluar utama di Semenanjung Malaysia dengan keluaran sebanyak 31.5 tan metrik (10.4%). Secara kolektif, ketiga-tiga negeri ini menyumbang 80.6 peratus daripada jumlah keseluruhan pengeluaran koko, dengan jumlah sebanyak 244.4 tan metrik.

Paparan 17: Kuantiti Pengeluaran Mengikut Negeri, 2023



tan metrik Pertubuhan
 Individu Sumbangan

7.3 Daerah

Tawau, Sabah merekodkan kuantiti pengeluaran koko tertinggi pada tahun 2023 berjumlah 67.0 tan metrik dengan sumbangan sebanyak 22.1 peratus kepada keseluruhan keluaran koko negara. Pengeluaran koko di Tawau didominasi oleh pegangan pertanian pertubuhan. Seterusnya, Ranau, Sabah mencatatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 44.3 tan metrik dengan peratus sumbangan 14.6 peratus. Ini diikuti oleh Lundu, Sarawak dengan sumbangan 7.6 peratus iaitu 23.2 tan metrik pada tahun 2023. Ketiga-tiga daerah ini telah menyumbang sebanyak 44.3 peratus (134.5 tan metrik) kepada keluaran koko negara.

Paparan 18: 10 Daerah Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik) Koko, 2023

Kuantiti Pengeluaran		Individu		Pertubuhan	
1. Tawau	67.0 (22.1%)	1. Ranau	44.3 (28.2%)	1. Tawau	65.5 (44.9%)
2. Ranau	44.3 (14.6%)	2. Kuala Kangsar	11.4 (7.3%)	2. Lundu	23.0 (15.8%)
3. Lundu	23.2 (7.6%)	3. Keningau	8.0 (5.1%)	3. Bera	15.8 (10.8%)
4. Bera	16.2 (5.3%)	4. Sebuyau	7.5 (4.8%)	4. Segamat	15.1 (10.4%)
5. Segamat	15.1 (5.2%)	5. Tambunan	6.9 (4.4%)	5. Temerloh	10.1 (6.9%)
6. Kuala Kangsar	11.4 (3.8%)	6. Tenom	6.0 (3.8%)	6. Kunak	6.5 (4.4%)
7. Temerloh	10.1 (3.3%)	7. Nabawan	5.6 (3.6%)	7. Manjung	5.4 (3.7%)
8. Keningau	8.0 (2.7%)	8. Kota Belud	5.5 (3.5%)	8. Kulai	2.3 (1.5%)
9. Sebuyau	7.5 (2.5%)	9. Kinta	5.1 (3.2%)	9. Hilir Perak	1.8 (1.2%)
10. Tambunan	6.9 (2.3%)	10. Tuaran	4.7 (3.0%)	10. Lubok Antu	0.1 (0.08%)


8.0 KUANTITI JUALAN DAN NILAI JUALAN

8.1 Malaysia

Pada tahun 2023, industri tanaman koko Malaysia merekodkan kuantiti jualan biji koko sebanyak 269.2 tan metrik dengan menjana nilai jualan RM2.67 juta. Pegangan pertanian pertubuhan merupakan penyumbang utama kepada kuantiti jualan dengan 142.0 tan metrik (53.0%) dan mencatatkan nilai jualan RM1.41 juta (52.7%). Manakala pegangan pertanian individu menyumbang

sebanyak RM1.26 juta (47.3%) dengan kuantiti jualan sebanyak 127.2 tan metrik (47.0%), dimana ia merupakan pendapatan sampingan bagi pegangan pertanian individu disebabkan oleh sifat kebergantungan yang rendah untuk pendapatan daripada tanaman koko selain daripada faktor harga yang berubah-ubah.


Paparan 19: Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan Tanaman Koko, Malaysia, 2023



8.2 Negeri

Sabah menjadi penyumbang utama bagi kuantiti jualan dan nilai jualan iaitu masing-masing 54.2 peratus (145.4 tan metrik) dan 54.2 peratus (RM1.44 juta). Ini diikuti oleh Sarawak dengan kuantiti jualan 39.0 tan metrik (14.1%) serta nilai jualan sebanyak RM367.7 ribu (13.8%). Seterusnya, Pahang menyumbang 11.7 peratus (31.5 tan metrik) kepada kuantiti jualan dan menghasilkan nilai jualan sebanyak RM316.8 ribu (11.9%). Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 80.1 peratus kepada kuantiti jualan koko negara dan 79.8 peratus kepada keseluruhan nilai jualan koko pada tahun 2023.

Paparan 20: Kuantiti dan Nilai Jualan Mengikut Negeri, 2023



8.3 Daerah

Tawau, Sabah direkodkan sebagai daerah utama yang menyumbang kepada industri tanaman koko di Malaysia pada tahun 2023. Sebanyak 23.8 peratus (64.2 tan metrik) daripada kuantiti jualan koko negara disumbangkan oleh Tawau dengan nilai jualan RM638.1 ribu (23.9%). Seterusnya Ranau, Sabah menyumbang 34.8 tan metrik (12.9%) kepada kuantiti jualan koko dengan nilai jualan berjumlah RM345.8 ribu (13.0%). Diikuti oleh Lundu, Sarawak yang mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 23.8 tan metrik (8.8%) dan nilai jualan RM224.5 ribu (8.4%). Sebahagian besar jualan koko di Lundu, Sarawak disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan dengan mencatatkan 97.3 peratus (RM217.29 ribu).

Paparan 21: 10 Daerah Teratas bagi Kuantiti Jualan (Tan Metrik) Koko, 2023



Paparan 22: 10 Daerah Teratas bagi Nilai Jualan (RM '000) Koko, 2023



INDUSTRI TANAMAN KOKO DI MALAYSIA

Sharuddin Shafie¹, Fariza Kambut², Syafawati Abdul Refai¹, Faiza Rusrianti Tajul Arus³, Mohamad Hasrolsafwan Abu Hassan², Muhamad Hakim Mohd Zaidi²

¹Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan, ²Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar, ³Pusat Analitik Data Raya Negara, Jabatan Perangkaan Malaysia

PENGENALAN

Industri koko merupakan salah satu komponen penting dalam sektor pertanian Malaysia, terutamanya dalam konteks ekonomi luar bandar dan eksport berasaskan pertanian. Walaupun keluasan dan pengeluaran koko negara menunjukkan trend menurun dalam beberapa dekad kebelakangan ini, industri koko tetap signifikan dalam menyediakan peluang ekonomi serta menyumbang kepada pembangunan sektor hiliran. Tanaman koko (*Theobroma cacao* L.) pertama kali diperkenalkan di Malaysia oleh pihak Belanda pada tahun 1778 di Melaka (Wood dan Lass, 1985). Namun, penanaman koko secara serius hanya bermula pada awal abad ke-20 apabila Jabatan Pertanian memulakan beberapa plot percubaan koko pada tahun 1937, termasuk di Serdang, Cheras serta di Kuala Lipis dan Temerloh, Pahang. Usaha ini menjadi asas penting kepada perkembangan penanaman koko secara lebih sistematik di negara ini. Penubuhan ladang koko komersial pertama di Jerangau, Terengganu pada tahun 1950 dengan keluasan 50 hektar menjadi titik tolak kepada pembangunan industri koko secara lebih tersusun.


INDUSTRI TANAMAN KOKO MALAYSIA

Pengeluaran Koko di Malaysia

Pada dekad 1980-an, Malaysia mencapai kemuncak dalam industri koko dan menjadi salah satu daripada lima pengeluar utama koko di dunia. Walau bagaimanapun, perubahan dalam dasar pertanian negara dan persaingan dengan tanaman komoditi lain seperti kelapa sawit menyebabkan penurunan keluasan dan pengeluaran koko secara berperingkat. Penanaman koko pada waktu itu berkembang ke pelbagai negeri, dengan Sabah dan Sarawak menjadi pusat utama penanaman. Tempoh antara tahun 1980-an hingga awal 1990-an dikenali sebagai era kegemilangan industri koko negara. Pada tahun 1989, keluasan penanaman koko mencatatkan 414,236 hektar, manakala pada tahun berikutnya, pengeluaran koko mencapai puncaknya dengan jumlah sebanyak 247,000 tan metrik. Pada ketika itu, Malaysia memainkan peranan penting dalam pasaran koko global sebagai salah satu pengeluar utama dunia. Walau bagaimanapun, pengeluaran biji koko menunjukkan

tren menurun bermula tahun 1990 dan mencatatkan peratus penurunan tertinggi sebanyak negatif 70.6 peratus pada tahun 2011 kepada 4,605 tan metrik berbanding 15,654 tan metrik pada tahun 2010.

Carta 1: Siri Masa Keluasan Tanah dan Pengeluaran Koko Malaysia, 1980 - 2023



Sumber: Lembaga Koko Malaysia

Harga Biji Koko


Industri koko di Malaysia telah menyaksikan perubahan ketara sepanjang lebih tiga dekad lalu, khususnya dari segi harga purata biji koko kering dan jumlah pengeluaran tahunan. Berdasarkan data siri masa yang diterbitkan oleh Lembaga Koko Malaysia (LKM), dapat dilihat satu pola yang jelas mencerminkan cabaran struktur yang membelenggu industri ini. Pada awal 1990-an, pengeluaran koko Malaysia mencatatkan paras yang tinggi, melebihi 200,000 tan metrik setahun, meskipun harga purata ketika itu berada dalam lingkungan RM2,000 hingga RM3,000 per tan metrik. Namun, selepas tahun 1994, trend pengeluaran menunjukkan penurunan berterusan walaupun harga terus meningkat. Menjelang 2010, harga koko melonjak kepada RM8,078 per tan, tetapi jumlah pengeluaran merosot kepada hanya 15,654 tan. Penurunan ini semakin ketara apabila pada tahun 2023, pengeluaran koko jatuh ke paras terendah iaitu 303 tan, meskipun harga telah mencecah RM9,613 per tan

Keadaan ini menunjukkan bahawa kenaikan harga tidak semestinya mendorong pertambahan pengeluaran koko di Malaysia. Data dari 1991 hingga 2024 jelas menunjukkan ketidakseimbangan antara harga pasaran dan jumlah pengeluaran. Ini

menandakan bahawa faktor lain yang lebih kompleks turut mempengaruhi penurunan pengeluaran koko secara signifikan. Antara faktor utama yang dikenal pasti ialah persaingan dengan tanaman komoditi lain seperti pertumbuhan pesat sektor kelapa sawit dan getah yang menawarkan hasil lebih tinggi serta permintaan global yang

kukuh (Tan et al., 2023), mengakibatkan pengurangan kawasan yang diperuntukkan untuk penanaman koko. Kelapa sawit terus menjadi pilihan pengusaha kerana tanaman ini lebih memberi jaminan pendapatan kepada pengusaha. Selain itu, industri koko turut terjejas akibat serangan penyakit seperti *vascular streak dieback*, serta kurangnya pelaburan dalam aspek teknologi dan penyelidikan.

Carta 2: Siri Masa Pengeluaran dan Harga Biji Koko Malaysia, 1980 - 2023



Sumber: Lembaga Koko Malaysia

